

04 OCT 2001

PBDS SAMBUT BAIK PENGISYTIHARAN MALAYSIA NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) menyambut baik pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan mesyuarat agung Parti Gerakan, Sabtu lepas.

Presiden PBDS Datuk Amar Leo Moggie berkata Malaysia jelas adalah sebuah negara Islam daripada segi pelaksanaan tuntutan Islam bukan sahaja dari sudut pentadbiran dan pengurusan negara tetapi dalam menjaga kepentingan agama Islam dan umatnya.

"Ini telah diperakui pelbagai pihak yang telah sekian lama menyaksikan keunggulan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang telah berkembang maju berasaskan prinsip-prinsip Islam yang sejati," katanya dalam kenyataan hari ini.

Moggie, yang juga Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia berkata ini termasuklah amalan sikap toleransi berasaskan semangat hormat-menghormati antara kaum dan kebebasan beragama yang sentiasa dipelihara dan diterima dengan jelas oleh penduduk bukan Islam di negara ini seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

-- BERNAMA

AT AZZ NMO